

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KHIDMAT K-API KL, KUANTAN

KUANTAN, Jumaat — Kerajaan telah menyediakan berbagai rancangan pembangunan bagi Negeri Pahang — antara yang terbesar akan dilaksanakan dalam tempoh 10 tahun ialah perhubungan keretapi antara Kuantan dengan Kuala Lumpur.

Penduduk Pahang boleh menjangka satu zaman gemilang di masa hadapan dengan adanya perhubungan keretapi bermula dari Chukai ke Pelabuhan Kuantan dan

Kuantan ke Ibu Negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin projek perhubungan keretapi yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat akan menguntungkan seluruh rakyat, khususnya Bumiputera.

Merasmikan Lebuhraya Lencongan Kuantan-Tanjung Gelang di sini pagi ini, beliau berkata, rakyat akan dapat menikmati

peluang pekerjaan dan perniagaan yang lebih besar di samping pertumbuhan pekan-pekan kecil yang selama ini terbiar.

Membangun

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Pahang sebelum merdeka telah terciur dari segi pembangunan tetapi kini pesat membangun hasil usaha Kerajaan Pusat dan Negeri.

Salah satu contoh

pembangunan tersebut ialah Lebuhraya sepanjang 33.2 kilometer yang menghubungkan Kuantan dengan Tanjung Gelang berharga kira-kira \$33.2 juta.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, lebuhraya tersebut hanya sebahagian kecil sahaja pembangunan yang Kerajaan laksanakan di Pahang.

Lapangan terbang Kuantan akan diperbesarkan untuk menerima pendaratan pesawat Boeing 747, sementara Pelabuhan Kuantan pula dalam proses pembaikan menelan belanja lebih \$200 juta dan dijangka siap sepenuhnya dalam masa 18 hingga 20 bulan lagi.

Semua ini, tegas Perdana Menteri, akan merapatkan Negeri Pahang yang selama ini terencil dengan pusat-pusat penting di Pantai Barat Semenanjung dan akan menjadi daya penggerak bagi pembangunan Negeri Pahang selanjutnya.

Beliau menegaskan sekali lagi, Kerajaan sanggup berbelanja untuk kepentingan rakyat walaupun perbelanjaan menyediakan berbagai kemudahan seperti perhubungan, elektrik, air dan sebagainya tidak dapat dikutip balik.

Bagi Negeri Pahang sahaja beliau berkata, Kerajaan merangka berbagai rancangan yang pasti dilaksanakan dan adalah perlu bagi rakyat memberi mandat mereka semula agar pembangunan tidak terbantut.

Lencongan Kuantan yang dirasmikan hari ini mula dibina tahun 1976 bermula di kilometer 13 Jalan Kuantan-Kuala Lumpur dan berakhir kira-kira 6.5 kilometer dari Pelabuhan Kuantan.

No. Siri 2565
No. Penerimaan 310/85